

## Kewartawanan Sukan Malaysia: Refleksi Pengamal Media Astro Arena Tentang Liputan Sukan Olimpik 2020

*Malaysia's Sport Journalism: A Reflection of Astro Arena's Media Practitioners on  
2020 Olympic Coverage*

MUHAMMAD NAZEEM BIN MOHD NAZRI & KHO SUET NIE

### ABSTRAK

*Bidang kewartawanan sukan telah bertapak lama di Malaysia malah keperluannya dilihat sangat penting bagi memastikan segala liputan sukan dapat disampaikan secara terus kepada masyarakat. Tetapi bidang kewartawanan sukan ini kurang mendapat tumpuan dari segi penyelidikan. Kajian ini bertujuan untuk menggambarkan perspektif dan refleksi pengamal media Astro Arena terhadap industri kewartawanan sukan di Malaysia dengan fokus kepada liputan Sukan Olimpik 2020 yang boleh dikatakan masa yang paling mencabar. Secara spesifik, kajian ini ingin memahami perspektif pengamal media terhadap bidang kewartawanan sukan di Malaysia. Kajian ini juga mengkaji tahap SOP/keselamatan yang diberikan kepada pengamal media semasa temasya sukan Olimpik Tokyo 2020 berlangsung, dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh Astro Arena dalam menyampaikan liputan berita semasa temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020. Justeru, kajian ini menggunakan metodologi temubual mendalam dengan tiga responden daripada stesen media Astro Arena yang bertugas bagi temasya sukan Olimpik tersebut. Hasil kajian dapat menyimpulkan bahawa perhatian secara keseluruhan terhadap bidang kewartawanan sukan di negara ini masih kurang. Dapatkan mendapati SOP serta keselamatan yang dilalui oleh pengamal media Astro Arena semasa bertugas di temasya sukan tersebut adalah teratur, rapi dan ketat, tetapi tidak menjelaskan tugas mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa bidang kewartawanan sukan di Malaysia memerlukan lebih banyak perhatian dan sokongan dari pihak berkepentingan, termasuk kerajaan dan industri media. Ini termasuk penyediaan sumber daya yang mencukupi, pembangunan kemahiran dan kepakaran dalam bidang kewartawanan sukan, serta peningkatan keselamatan dan kesejahteraan pengamal media semasa meliput acara sukan besar.*

*Kata kunci:* Kewartawanan; liputan sukan; kewartawanan sukan; Astro Arena; Sukan Temasya Olimpik 2020

### ABSTRACT

*The field of sports journalism has been well-established in Malaysia for a long time, as it plays a vital role in delivering sports coverage directly to the community. However, this field has received limited attention in terms of research. This study aims to describe the perspective and reflections of Astro Arena media practitioners on the sports journalism industry in Malaysia, with a specific focus on the coverage of the challenging 2020 Olympic Games. The objectives of this study are: a) to understand the perspective of media practitioners towards the field of sports journalism in Malaysia. It also seeks to examine the level of standard operating procedures (SOPs) and safety measures provided to media practitioners during the Tokyo 2020 Olympic Games, and c) to identify the challenges faced by Astro Arena in delivering news coverage during the Tokyo 2020 Olympic Games. To achieve these objectives, an in-depth interview methodology was employed, with three respondents from the Astro Arena media station who were on duty during the Olympic Games. The study concludes that the overall state of the sports journalism field in Malaysia is lacking. The findings reveal that the SOPs and security measures implemented for Astro Arena media practitioners during the sports event were organized, thorough, and strict, without impeding their duties. This study underscores the need for greater attention and support for the field of sports journalism in Malaysia from various stakeholders, including the government and the media industry such as providing adequate resources and fostering skills and expertise in sports journalism.*

*Keywords:* Journalism; sports coverage; sports journalism; Astro Arena; 2020 Olympic Games

## PENGENALAN

Sukan dan media mempunyai hubungan langsung antara satu sama lain yang tidak dapat dipisahkan. Segala informasi berkaitan sukan seperti keputusan rasmi, maklumat terkini para atlet, cara gaya hidup sihat dan sebagainya boleh diperoleh oleh masyarakat melalui media. Ramai pihak yang akan memperolehi faedah daripada hubungan simbiotik ini, termasuk penganjur, persatuan sukan, ahli sukan, pegawai-pegawai yang terbabit, penonton, penaja dan hingga ke penjaja di lokasi terbabit (Pekan Ramli 2019). Ini membolehkan sukan itu dikomersialkan dan berkembang menjadi industri yang besar dan menguntungkan dengan impak positif kepada masyarakat. Menurut Ahmad Faisal (2019), hasil yang dijana melalui sukan datang daripada pelbagai sumber namun antara yang paling utama dan menghasilkan pulangan yang sangat lumayan adalah menerusi hak penyiaran televisyen serta media-media lain. Penerbitan berita sukan juga dapat membantu dari segi menarik minat para penonton untuk hadir ke arena sukan seperti stadium dan dapat menjana pendapatan pihak stadium mahupun penjaja di lokasi tersebut.

Di Malaysia, kewartawanan sukan masih lagi dianggap sebagai salah satu seksyen di dalam akhbar dan wartawan sukan kebiasaannya mempunyai “meja” (*desk*) tersendiri (Ahmad Faisal, 2019). Wartawan sukan memainkan peranan dalam mencari dan menulis berita sukan sebelum berita tersebut diterbitkan dalam akhbar, saluran televisyen atau platform media di sesebuah syarikat media tersebut. Penubuhan Persatuan Penulis Sukan Malaysia (SAM) pada tahun 1969 adalah antara inisiatif bagi mengumpul seberapa ramai penulis sukan yang baik dalam akhbar, majalah, televisyen, radio, dan media baharu serta berkesesuaian dengan perkembangan media pada hari ini. Jadi, ini menunjukkan kewartawanan sukan sememangnya mempunyai tempat tersendiri dalam bidang kewartawanan di negara ini.

Bidang ini telah bertapak lama di Malaysia malah keperluannya dilihat sangat penting bagi memastikan segala liputan sukan dapat disampaikan secara terus kepada masyarakat. Tetapi bidang kewartawanan sukan ini kurang mendapat tumpuan dari segi penyelidikan. Hal ini dapat dilihat apabila kebanyakan kajian lepas yang berkaitan media dan sukan adalah lebih tertumpu kepada media lama seperti akhbar dan televisyen. Kajian oleh Pekan Ramli (2019a) mengenai liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dalam akhbar harian di

Malaysia adalah antara kajian berkaitan bidang media sukan yang telah dijalankan tetapi hanya memfokuskan berkaitan akhbar di Malaysia. Kajian ini lebih tertumpu kepada berita di akhbar dan tidak menyentuh bidang penyiaran atau kewartawanan sukan. Pekan Ramli (2019b) melihat kuasa editor sukan terhadap penetapan liputan berita sukan akhbar di Malaysia. Kajian tersebut mengkaji sejauh mana kuasa yang dimiliki oleh seseorang editor sukan akhbar yang juga dikenali sebagai ‘*gatekeeper*’ dalam konteks penetapan liputan serta kandungan berita sukan yang akan diterbitkan.

Ahmad Sauffiyan (2020) menyatakan masalah utama di Malaysia hari ini adalah, bidang ilmu komunikasi sukan masih asing dan tidak ada pengajian sistematik komunikasi sukan ditawarkan di negara ini. Hal ini menunjukkan kewartawanan sukan yang berkait rapat dengan bidang ilmu komunikasi sukan turut tidak mempunyai pendedahan secara keseluruhan kepada masyarakat di Malaysia. Manakala, Ahmad Faisal (2019) mengatakan sungguhpun kewartawanan sukan telah bertapak sekian lama di negara ini dan terus berkembang seiring dengan perkembangan negara namun penulis-penulis sukan tidak terkecuali berdepan dengan isu-isu yang membabitkan penulisan. Oleh yang demikian, pendedahan berkaitan bidang kewartawanan sukan di peringkat awal pendidikan adalah antara salah satu cara yang boleh memberikan pendedahan terhadap bidang ini kepada masyarakat sekaligus dapat meningkatkan lagi mutu dan kualiti liputan sukan di Malaysia.

Sehubungan itu, sukan Olimpik Tokyo 2020 adalah temasya sukan yang dilaksanakan ketika wabak COVID-19 masih melanda dunia. Hal ini merupakan sesuatu perkara yang baharu apabila temasya sukan berprestij tersebut buat pertama kali dilakukan ketika musim pandemik dan mampu memberikan risiko keselamatan yang tinggi kepada pihak yang terlibat secara langsung seperti para atlet, pengamal media dan pihak penganjur. Perkara ini menunjukkan banyak pihak yang tidak bersetuju sukan Olimpik ini diadakan atas faktor-faktor keselamatan yang berisiko tinggi. Namun, temasya sukan tersebut tetap diteruskan oleh tuan rumah Jepun setelah ditunda selama setahun dengan pelaksanaan SOP keselamatan yang ketat.

Maka, kajian ini bertujuan untuk menggambarkan perspektif dan refleksi pengamal media Astro Arena terhadap industri kewartawanan sukan di Malaysia dengan fokus kepada liputan Sukan Olimpik 2020 yang boleh dikatakan masa yang paling mencabar.

Secara spesifik, kajian ini ingin:

1. Memahami perspektif pengamal media terhadap bidang kewartawanan sukan di Malaysia.
2. Mengkaji tahap SOP/keselamatan yang diberikan kepada pengamal media semasa temasya sukan Olimpik Tokyo 2020 berlangsung.
3. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh Astro Arena dalam menyampaikan liputan berita semasa temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020.

#### TINJAUAN SUSASTERA

Kajian Pekan Ramli (2019a) mengkaji penetapan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan serta bagaimana editor sukan membuat penetapan tersebut dalam konteks akhbar harian di Malaysia. Kajian ini lebih tertumpu kepada berita di akhbar dan mengkaji kandungan dalam liputan akhbar tersebut dan dapatkan kajian mendapati akhbar harian tempatan lebih banyak membuat liputan berita sukan dalam negara berbanding sukan antarabangsa. Pekan Ramli (2019b) pula mengkaji kuasa editor sukan terhadap penetapan liputan berita sukan akhbar di Malaysia,. Kedua-dua kajian tersebut hanya memfokuskan kandungan dalam dua keratan akhbar iaitu Kosmo dan Berita Harian serta temubual bersama dua orang editor sukan di akhbar tersebut.

Muhammad Syahir & Mohamad Saifudin (2019) pula mengkaji analisis pelaporan atlet wanita Islam semasa Sukan SEA 2015 dan 2017 dalam Utusan *Online* dan Berita Harian *Online*. Kajian ini dijalankan dengan mengkaji jenis bingkai, sumber dan gambar yang digunakan oleh Utusan Online dan Berita Harian Online mengenai atlet wanita Sukan SEA 2015 dan 2017. Hasil analisis kandungan ke atas 83 laporan mengenai atlet wanita Muslim semasa Sukan SEA menunjukkan kedua-dua akhbar cenderung menggunakan bingkai konflik dalam laporan mereka.

Ahmad Sauffiyan (2021) mengkaji sejarah latar belakang bidang komunikasi sukan, meninjau penerbitan terkini dalam kajian komunikasi sukan dan memahami model atau teori ilmu komunikasi sukan. Kajian ini lebih tertumpu kepada pengenalan terhadap bidang komunikasi sukan dan melihat sejauh mana bidang ini diberikan perhatian dalam penyelidikan. Hasil kajian mendapati bidang komunikasi sukan telah pun berkembang sejak 10 tahun lalu di Amerika Syarikat dan menunjukkan jurnal-jurnal komunikasi sukan terkini meliputi

topik seperti komunikasi sukan dan impak teknologi kecerdasan buatan terhadap kandungan media. Perkara tersebut membuktikan masih terdapat jurang penyelidikan terhadap bidang media sukan apabila kajian lepas terkini berkaitan komunikasi sukan kebanyakannya melihat dari segi aspek kandungan media Ahmad Sauffiyan (2021) mengatakan kajian yang dilakukan amat terbatas dan perlu lebih banyak kajian dilakukan bagi mendalamai dan mengembangkan ilmu bidang komunikasi sukan di Malaysia pada masa hadapan. Saranan ini dilihat amat penting bagi memastikan pendedahan terhadap bidang ini dapat disampaikan kepada masyarakat melalui penyelidikan yang dijalankan.

Vivekanada et al. (2021) mengkaji mengenai pengaruh laporan berita sukan terhadap sikap jurulatih dan pemain bola sepak. Kajian tersebut dilakukan bagi menganalisis penggunaan bahasa laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain berdasarkan Teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G). Kajian ini turut menggunakan Berita Harian sebagai data kajian dan segmen berita sukan bola sepak Liga Malaysia pada tahun 2015 dan 2016. Hasil dapatkan akhir melihat laporan berita sukan boleh mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain terhadap prestasi dan persembahan sesuatu pasukan.

Ahmad Faisal (2019) mendapati sukan merupakan antara elemen penting dalam menyatukan rakyat di mana-mana negara khususnya Malaysia. Beliau melihat kuasa yang dimiliki sukan boleh membuatkan rakyat berbilang agama, bangsa mahupun mempunyai ideologi politik yang berbeza bersatu padu. Perkara ini dapat dilihat daripada kajian yang dijalankan oleh IPOS Malaysia (2021) dimana negara Malaysia menduduki tangga ke-3 dengan 77% di bawah negara India dengan 88% dan China 92% bersetuju bahawa temasya Sukan Olimpik menyatupadukan masyarakat.

Kajian oleh Sean et al. (2021) memberi tumpuan terhadap penceritaan media sukan apabila pertandingan olahraga tidak lagi dilaksanakan disebabkan pandemik Covid-19. Kajian ini lebih tertumpu untuk melihat bagaimana media sukan memainkan peranan dalam membuat liputan sewaktu pandemik COVID-19 melanda dunia. Hasil kajian mendedahkan bahawa pemilihan cerita dan keputusan pembingkaian dalam kalangan media utama Amerika Syarikat berubah secara drastik apabila COVID-19 membawa sukan terhenti secara dramatik. Pengkaji melihat realiti baharu dan normal baharu memaksa organisasi berita menilai semula

keutamaan mereka sebagai penyampai maklumat, dan media sukan disesuaikan untuk mencerminkan keutamaan baharu ini.

Gregory & Travis (2021) melihat kebanyakan bidang kewartawanan seperti kewartawanan sukan perlu menyesuaikan diri dengan perubahan yang terhasil daripada teknologi bidang kewartawanan. Wartawan sukan mengalami tekanan berikutkan “perubahan dalam teknologi media mudah alih dan digital, rutin kewartawanan dan hubungan institusi” (Hutchins & Boyle 2017). Dalam era digital yang semakin berkembang, kewartawanan sukan digital menjadi semakin popular dan relevan. Portal Berita Awani (2019) menyebut terdapat perubahan menyeluruh dalam industri kewartawanan dan peralihan kepada kandungan digital adalah trend dalam industri. Kajian Norazirawati & Sudirman (2021) turut menyatakan dunia digital berjaya meyakinkan pembaca bahawa media sosial adalah sumber penting untuk mendapatkan maklumat dan menerbitkan berita hingga sukar untuk mengesan perbuatan mencipta dan menerbitkan semula maklumat yang mengelirukan dan palsu. Walaupun dilihat banyak kelebihan, tetapi bidang ini turut berisiko dari segi penyampaian berita yang kurang tepat serta mengelirukan pembacanya disebabkan kewujudan wartawan *netizen*.

Seterusnya, kajian berkaitan dengan temasya sukan Olimpik 2020 oleh Ahmad Akram & Irwan (2022) mengenai analisis aurat atlet muslim di temasya Olimpik 2020: kajian menurut perspektif fiqh Islami. Pengkaji melihat apabila menyebut soal aktiviti riadah dan sukan di peringkat antarabangsa seperti temasya sukan Olimpik, sering kali isu-isu aurat para atlet Muslim akan berbangkit dan dipersoalkan. Kajian ini dilakukan kerana terdapat beberapa acara sukan yang memperuntukkan pakaian yang tidak mematuhi garis panduan aurat yang dianjurkan oleh agama Islam. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan berlakunya pertembungan antara kod pemakaian atlet Muslim dengan peruntukan mematuhi ketetapan menutup aurat seperti yang termaktub dalam al Quran dan al-Sunnah. Jika dilihat kajian yang dilakukan tidak menyentuh berkaitan media dan hanya memfokuskan kepada atlet sahaja. Berbeza dengan kajian Andrea & Michael (2020) yang dilakukan terhadap 20 tahun penyelidikan media terhadap sukan Olimpik: trend dan hala tuju masa hadapan yang mengkaji keadaan penyelidikan media terhadap sukan Olimpik dalam tempoh masa 20 tahun (1999–2018). Sebanyak 221 artikel telah diteliti, mendedahkan pandangan

tentang jenis penyelidikan yang dihasilkan daripada teori, metodologi, dan perspektif kontekstual. Pengkaji mendapati lebih separuh daripada kajian menggunakan rangka kerja teori atau konseptual, yang lazimnya meningkat dari masa ke semasa. Bidang teras untuk pembangunan berterusan dalam ruang media Olimpik termasuk merangkumi penyelidikan dalam teori, kepelbagaian dalam konteks penyelidikan, dan mengembangkan definisi Sukan Olimpik dalam pendekatan Olimpik yang lebih besar.

Teori Tanggungjawab Sosial digunakan di dalam kajian ini. Teori Tanggungjawab Sosial menggalakkan kebebasan penuh kepada media tanpa penapisan namun kawalan tetap dibuat berasaskan tanggungjawab sosial dan kawalan luaran di mana kandungan akhbar akan ditapis bagi menjaga kepentingan awam serta mengelakkan campur tangan pihak-pihak yang tidak berkenaan (Siebert, Peterson & Schramm, 1956). Media harus memikul tugas menjaga kualiti penyampaian berita dan kesan di atas penerbitan hasil kerja mereka kepada masyarakat umum (McQuail, 2010). Teori ini kerap digunakan dalam konteks tanggungjawab sosial korporat (Jose et al., 2020). Di Malaysia, Azhar, Awan & Chamil (2022) menggunakan teori ini untuk melihat kepada sekatan dan tapisan oleh pengamal media di Malaysia yang sering ditapis oleh Facebook. Kesemua kajian ini hanyalah memberikan fokus kepada teori ini dalam konteks korporat dan tanggungjawab media, namun jarang menggunakan teori ini dalam konteks kewartawanan sukan. Maka kajian ini memberikan sumbangan dengan melihat teori ini dalam kewartawanan sukan.

Secara tuntasnya, fokus kajian terdahulu adalah terhadap kandungan akhbar, sejarah kewartawanan sukan, atlet-atlet dan perubahan teknologi. Pengkaji mendapati perspektif wartawan semasa, terutamanya yang menghadapi cabaran harian dalam meliputi sukan antarabangsa seperti Olimpik jarang dilihat. Perspektif pengamal media sangat penting untuk didalam terutamanya ketika mereka membuat liputan Sukan Olimpik dalam zaman pandemik. Pemahaman perspektif ini dapat membantu untuk menyumbang kepada jurang pengetahuan yang sedia ada.

## METODOLOGI

Dalam konteks kajian ini, kaedah temu bual mendalam digunakan bagi mengkaji keseluruhan persoalan kajian daripada pengamal media Astro

Arena. Tujuan temu bual dalam kajian ini adalah untuk meneroka sudut pandangan responden yang lebih mendalam dan pengalaman serta perspektif mereka terhadap bidang kewartawanan sukan di Malaysia.

Kajian ini memilih para responden berdasarkan penglibatan sebagai pengamal media semasa temasya sukan Olimpik Tokyo 2020 berlangsung. Kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada Astro Arena kerana Astro Arena merupakan satu-satunya wakil Malaysia mendapatkan lesen

tayangan Sukan Olimpik 2020. Hanya 3 orang sahaja wartawan Astro Arena tersebut yang dihantar bertugas di lapangan untuk Olimpik 2020. Kesemua responden merupakan pengamal media yang bertanggungjawab memastikan segala liputan bagi temasya sukan tersebut dapat disampaikan dengan baik kepada masyarakat walaupun menghadapi cabaran pandemik COVID-19 pada ketika itu. Tiga responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

JADUAL 1. Latar Belakang Responden

Responden	Organisasi	Jawatan
Responden A	Astro Arena	Wartawan Sukan
Responden B	Astro Arena	Pengacara & Pengulas Sukan
Responden C	Astro Arena	Krew Teknikal

Dalam merancang kaedah kajian, instrumen kajian adalah antara elemen penting dalam melakukan sesuatu kajian bagi memastikan pengkaji mempunyai perancangan dan berada dalam landasan yang tepat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif justeru instrumen yang digunakan adalah berbentuk soalan temu bual dan maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan temu bual bersama pengamal media Astro Arena yang bertugas semasa temasya sukan Olimpik Tokyo 2020. Terdapat empat soalan tema berdasarkan kepada kajian lepas Pekan Ramli (2019a) yang diadaptasikan untuk objektif-objektif kajian ini. Selepas menerima data yang cukup daripada sesi temu bual yang dijalankan, pengkaji akan membuat transkripsi dan menyusun jawapan para responden menggunakan analisis tematik. Tema dan pengubahan bentuk data akan diubah mengikut keperluan sehingga pengkaji berpuas hati dan mendapat hasil yang memuaskan (Yin 2009).

## DAPATAN KAJIAN

### MEMAHAMI PERSPEKTIF PENGAMAL MEDIA TERHADAP BIDANG KEWARTAWANAN SUKAN DI MALAYSIA

Responden telah ditanyakan dua soalan berkaitan pandangan terhadap bidang kewartawanan sukan di Malaysia dan peranan utama bagi memastikan liputan berita yang disampaikan dapat memberi mesej yang baik kepada masyarakat. Responden A merasakan bahawa bidang kewartawanan di Malaysia ini mendapat perhatian yang baik dalam perbincangan seperti di bawah:

“ .... pandangan saya, kewartawanan sukan dalam Malaysia ni mendapat perhatian yang baik bagi saya dan didengari kerana kita tahu sukan itu menyatukan rakyat tak kira bangsa, agama, ataupun umur. Jadi, berdasarkan pengalaman saya, aaaa... saya melihat ada kepentingan sukan di negara ini walaupun bertukar kepimpinan negara dan sebagainya tapi saya melihat perhatian diberikan cukup baik lah oleh pihak yang berwajib terhadap sukan terutamanya kalau saya boleh mention dekat sini, sukan nombor satu negara, bola sepak.”

Responden A menyebut dimana jika ingin dibandingkan dengan bidang kewartawanan yang lain mungkin sukar untuk mendapat banyak pengalaman kerana persaingan yang hebat dan banyak berbanding wartawan sukan yang kurang dari segi persaingan. Walaupun dikatakan kurang persaingan, tidak bermakna tiada persaingan langsung dan kewartawanan sukan mempunyai kelebihannya tersendiri. Beliau seterusnya menegaskan,

“ ... persaingan tu bukanlah tak banyak, tetapi seseorang itu boleh meletakkan diri mereka berada dalam tahap yang baik aaa... mudah dikenali ataupun menjadi seorang sumber kepada masyarakat. Jadi, kelebihan yang saya nampak dalam kewartawanan sukan ni aaa... selain kita dapat membuat liputan-liputan sukan terbesar, saya rasa ia lebih memudahkan membantu wartawan itu berada dalam tahap seorang wartawan yang lebih baik...”

Responden A dan B turut bersetuju bahawa persaingan liputan berita sukan tidak banyak di Malaysia kerana boleh dikatakan dimonopoli oleh Astro Arena sahaja. Hal ini dapat dilihat kerana Astro Arena adalah satu-satunya saluran sukan di Malaysia yang membawakan liputan berita sukan secara keseluruhan. Saluran tersebut hanya khusus

kepada berita sukan di dalam maupun luar negara. Responden A memberikan pandangan berkaitan perkara ini dengan mengatakan,

“ First sekali mungkin ramai yang dah tahu bahawa sukan ataupun kewartawanan sukan di Malaysia ni tidak besar sebab kalau kita ambil contoh, hanya Astro Arena sahaja merupakan channel sports untuk siaran di negara ini. Jadi, saya rasa persaingan dalam liputan sukan tu tidak banyak. Saya boleh katakan ia dimonopoli oleh Astro Arena sahaja sebab aaaa.. kalau dulu kita ada pesaing seperti ESPN dan mungkin beberapa channel lagi tetapi sekarang tidak lagi yang mana hanya Astro Arena sahaja yang meraikan atlet dan juga pengamal sukan di negara ini...”

Dapat disimpulkan bahawa persaingan dalam bidang kewartawanan sukan di Malaysia masih kurang dan tidak banyak serta kurangnya saluran televisyen sukan di Malaysia menjadikan Astro Arena saluran sukan nombor satu di Malaysia. Responden B pula berpendapat banyak perubahan dari segi pelaporan liputan berita sukan dan semua pengamal media perlu bersedia dengan perubahan tersebut dari masa ke semasa. Beliau berkata,

“ ... kalau nak buat perbandingan dahulu dengan sekarang ni, kita mesti faham akan perubahan-perubahan drastik yang dilalui daripada setiap masa, saban tahun ada je perubahan-perubahan daripada aaaa.. conservative way of aaaa.. reporting yang hanya bertemu satu dengan satu bersama atlet atau coach, menulis di atas sekeping kertas, tulis selagi ada ruang, selagi tu tulis, kadang-kadang sampai terlupa fakta yang diberikan, sehingga kepada just menghubungi melalui telefon sahaja dan kemudiannya menerusi messenger, sms sahaja dan kemudiannya bertukar kepada whatsapp call dan whatsapp sahaja, jadi, begitulah perubahan-perubahan aaaa... yang dilalui dalam bidang kewartawanan sukan ini dan perlu diterima oleh seluruh pengamal media....”

Ketiga-tiga responden turut mengatakan berkaitan peranan yang perlu dimainkan sebagai seorang wartawan sukan bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan memberi impak dan mudah difahami oleh masyarakat. Responden A berkongsikan pengalaman rakan wartawan setugas semasa membuat liputan di temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 dengan mengatakan bahawa,

“ ... benda ni basic, kita akan buat research kepada setiap atlet yang bertanding. Saya mungkin tiada momen yang boleh bagi impak kepada masyarakat. Kalau ada pun, tak besar. Tapi saya boleh bagi momen rakan tugas saya iaitu Bazli Azmi menemubual Lee Hup Wei, aaaa... pada ketika itu tak silap saya tak berjaya something like that lah... dan semasa membuat temu bual dengan Lee Hup Wei tu dia turut beremosi sebab dia dapat merasakan pengorbanan seorang atlet berjuang untuk negara. Jadi dia dapat bagi impak pada masyarakat. Saya rasa apabila kita kenal atlet itu, kita boleh bermain dengan emosi

jadi saya rasa dengan cara mengenali atlet itu dengan lebih dekat, ia lebih memudahkan kepada menyampaikan laporan yang berkualiti...”

Perkara ini turut diutarakan oleh Responden B:

“ .... perlu ada integriti, satu sikap yang tidak berselindung untuk kita sampaikan liputan-liputan tersebut. Kalau kita dah mula mengambil pendekatan untuk berpihak kepada satu pihak, aaaa... di situ para pembaca akan dapat mengetahui apa sebenarnya yang nak disampaikan. Dulu memang betul, kalau nak cerita pasal dulu, orang akan baca satu ayat ke satu ayat sampai habis. Tapi sekarang ini, orang dah tiada masa. Mereka akan baca 2-3 perenggan, mereka akan tunggu untuk apakah pendekatan atau update yang akan disampaikan daripada liputan tersebut. Jadi, sudah pasti cabaran semakin besar dan tinggi kepada semua yang terbabit kepada bidang kewartawanan sukan. Tapi banyak advantage kepada para pelapis bidang ini yang mempunyai future dan masa depan yang cerah...”

Responden C turut berkongsi perkara yang dilakukan sebagai krew teknikal bagi memastikan segala perancangan untuk membuat liputan berita dapat dilakukan dengan baik. Penekanan terhadap kerjasama oleh semua krew amat penting untuk memastikan segalanya berjalan dengan lancar dan hasil akhir liputan menarik dan mudah difahami oleh masyarakat. Perancangan dan perbincangan yang rapi perlu dilakukan seperti yang dikatakan dalam perbincangan di bawah:

“ ... saya sendiri sebagai krew teknikal cameraman so saya banyak pentingkan kepada masa, kesihatan, perbincangan antara krew kita. Macam saya sebelum ni di Olimpik Tokyo dengan krew saya Cik Zulhilmi so setiap kali kita nak buat kerja kita ada perbincangan antara kita. Ok hari ini kita cover golf, harini apa perlu buat, siapa tumpuan kita? Story macam mana yang kita nak buat? Haaa.. So setiap angle itu saya sebagai krew memainkan peranan apa yang zul rancang saya kena ada benda tu untuk mencantikkan hasil kerja dia. Haa.. So benda-benda ni mainkan peranan yang kita kena ada perbincangan dengan each other untuk jadikan satu team kita harmoni. Bila team cantik, hasil kerja pun cantik...”

Seorang wartawan sukan perlu mempunyai minat dalam bidang sukan supaya dapat mendalami liputan yang disampaikan dan bidang ini akan berkembang lagi seperti yang dikatakan oleh Responden B:

“ ... bidang kewarawana sukan ini juga akan berkembang seiring dengan sejauh manakah kita punya liputan ini dapat disampaikan kepada penonton di luar sana. Contoh, kalau kita ambil di RTM sendiri, mereka mengembangkan unit meja sukan mereka di TV3 juga mereka membesarlagi program mereka dan Astro Arena sudah pastilah, haaa.. ini memang satu-satunya dua channel yang dikhatuskan untuk peminat sukan, 801 dan 802. Jadi, nak atau tidak, suka atau tidak, kita mesti sediakan apa yang dimahukan oleh peminat sukan...”

Secara keseluruhan, kerjasama yang dimainkan oleh semua krew teknikal termasuk wartawan amat memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan satu laporan berita yang menarik.

**MENGKAJI TAHAP SOP/KESELAMATAN YANG  
DIBERIKAN KEPADA PENGAMAL MEDIA  
SEMASA TEMASYA SUKAN OLIMPIK TOKYO  
2020**

Bagi objektif kedua, Responden A mengatakan Sukan Olimpik Tokyo merupakan temasya yang cukup unik kerana diadakan mengikut norma baharu dan termasuklah cara membuat laporan berita ketika itu. Responden A turut berkongsi pengalaman dimana SOP yang perlu dipatuhi oleh semua pengamal media semasa membuat laporan di sana. Responden A berkata:

“ ... ketika itu masih lagi kita baru fresh dari pasca COVID-19, jadi saya rasa beberapa kali kita mengadakan ujian swab test ataupun PCR dan sebagainya untuk sampai ke bumi Tokyo. Haaa.. dan apabila sampai ke bumi Tokyo, ada beberapa syarat tertentu untuk membuat laporan yang mana kami hanya dibenarkan untuk pergi ke venue pertandingan dari hotel di mana ketika itu kita tidak boleh singgah di mana-mana tempat aaaa... kecuali isi minyak kereta. Dalam masa 14 hari kita tidak dibenarkan untuk pergi ke pusat beli belah, pasar raya ataupun jalanan. Pergerakan kami dari hotel ke venue pertandingan sahaja. Jadi saya rasa itu memang sesuatu yang berlainan untuk kami sebagai pengamal media kerana agak janggal untuk melakukan rutin itu jadi 3-4 hari boleh dikatakan agak kekok untuk membiasakan diri...”

Malah, Responden A turut berkongsi rutin harian mereka pada setiap pagi dimana,

“ Setiap hari pada waktu pagi kami perlu kumpul air liur, buang air liur dalam satu bekas yang mana benda tu kita tak buat di Malaysia sebab kita berbeza. Haa.. tapi ni pada waktu pagi, yang mana ketika tu tiada air liur pun tetapi kami perlu untuk kumpul air liur dan dijadikan sebagai ujian swab test di sana. Itu benda yang saya tak dapat lupakan sampai sekarang aaaa... sebab ada yang terlepas buat benda tu dan tidak dibenarkan masuk ke kawasan venue pertandingan dan sebagainya, jadi seronok sebab ia seperti yang saya cakap, pengalaman yang berbeza lah...”

Perkara ini juga turut disuarakan oleh Responden C yang bertugas bersama Responden A pada ketika itu di bumi Tokyo. Responden C menganggap tanggungjawab untuk menjaga diri sendiri dan mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan oleh pihak pengajur amat penting supaya tidak menyusahkan mana-mana pihak. Beliau berkata,

“ ... so saya dengan Zulhilmi masa tu persedian adalah kesihatan diri sendiri nak pergi ke negara luar, kita tak tahu apa yang akan jadi kat sana. Sebelum 3 hari pergi ke sana pun kita dah amik checkup, dah kena standby Vitamin C, Panadol, benda-benda macam ni kena standby untuk diri kita dan kawan-kawan kita. So bila dah nak pergi ke sana tu aaaa... kita punya dengan dia punya SOP tu agak lain so kita tak berlegar-legar dengan orang luar banyak. Hari-hari bangun pagi kena buat swab test. Selama 20 hari, so 20 swab test kita buat. So, kita punya perjalanan tu, aku kena jaga diri aku. Aku datang sini nak buat kerja, habis kerja aku duk hotel. Haa.. nak kata, dalam pandemik ni kita pergi buat Olimpik ni banyak masa kita kena sabar, kena jaga diri kita, kena ingat orang-orang yang terdekat dengan kita, family kita. Apa-apa jadi kat kita, family takkan datang kat kita... Saya ingat saya dengan Zulhilmi, kita relax, jangan terlalu dekat dengan orang. Kerja kita selamat...”

Responden A dan C juga turut berkata berkaitan SOP semasa ingin membuat temu bual di tempat pertandingan. Cara temu bual yang berbeza perlu dilakukan oleh wartawan berbanding jika temasya tersebut dilangsungkan semasa bukan musim pandemik. Responden A mengatakan bahawa:

“ ... ketika menemu ramah atlet, kita perlu guna satu equipment yang tak pernah guna sebelum ni iaitu boom mic, kita perlukan jarak antara media dan juga atlet setiap atlet yang bertanding. Haa.. sekurang-kurangnya 3 meter, maksudnya jaraklah, buat pertama kalinya, ketika membuat laporan di temasya kita menggunakan boom mic untuk menemu ramah atlet jadi equipment yang kita bawa lebih. Biasa bawa kamera dan mic sahaja, tapi masa tu kita bawa camera, boom mic, mic, clip mic dan sebagainya. Jadi memang saya rasa story tu keluar pengamal media guna boom mic untuk sukan olimpik di Tokyo...”

Responden C turut mengatakan bahawa krew teknikal perlu memastikan peralatan teknikal semua lengkap dibawa kesana dengan mengikut SOP barang yang dibenarkan oleh pihak pengajur. Beliau berkata terdapat peralatan tambahan yang perlu dibawa kesana seperti dalam perbincangan tersebut:

“ ... saya teknikal equipment saya mesti ada dalam keadaan sempurna. Macam saya gunakan kamera, tripod stand, card reader saya, battery, lampu, mic saya haa.. semua kena ada dalam keadaan baik makna kata, benda-benda kepentingan saya ni saya kena jaga dengan baik. Sebab nak buat laporan kan. Kalau barang tak elok makna kata hasil saya pun akan jadi tak elok lah. Haa.. semua peralatan ni sebenarnya perlu di register dulu. Peralatan macam boom mic pun kena standby aaaa.. sebab untuk interview jarak jauh yang kita perlu patuh SOP di sana...”

Responden A turut menyatakan berkenaan penginapan dan keperluan pengamal media di sana. Sudah pasti pengajuran kalini amat ketat dari segi undang-undang supaya pihak pengajur dapat memastikan tiada penyebaran wabak COVID-19

berlaku di kem penginapan para atlet dan pengamal media. Beliau berkata,

“ ... penginapan tiada masalah sebab hotel yang ditempatkan oleh pengamal media rata-ratanya hotel yang telah diasingkan dengan pelancong. Maksudnya, aaaa... di hotel itu semua peserta yang terlibat dengan sukan olimpik, pengamal media, sukarelawan, juri, dan atlet itu sendiri. Haa.. jadi tiada masalah dari segi penginapan yang mana kami ditempatkan di hotel yang agak ok. Cuma sarapan sahajalah. Dalam masa satu hari tu kami hanya diberikan packing food. Tiada buffet di hotel. Itu sebab kita perlu ikut SOP kan, SOP COVID-19...”

Dari segi kebijakan yang diberikan oleh pihak penganjur, Responden A dan C tidak menafikan kebijakan mereka dijaga dengan baik di sana. Mereka menganggap Jepun sebuah negara yang maju dan sudah tentu negara tersebut akan memastikan kesemua atlet dan pengamal media yang datang berasa selesa ketika berkampung di sana sepanjang temasya sukan Olimpik itu berlangsung. Perkara ini disuarakan oleh Responden A dari perspektif wartawan yang bertugas. Dia berkata,

“ Saya rasa Jepun negara yang moden jadi untuk aspek tu saya rasa mereka amat menitikberatkan kebijakan juga sebab kalau kita ambil contoh, aaaa.. mereka menyediakan makanan di venue pertandingan. Makanan yang easy to grab. Haa.. mereka juga sentiasa peka dengan keadaan dan sentiasa membantu ketika media mendapatkan bahan berita jadi tiada jurang perbezaan, tiada rasa dipinggirkan daripada penganjur, tuan rumah Jepun, sebagai penganjur sukan Olimpik dari segi bantuan yang diberikan kepada media...”

Bagi Responden B, proses yang dilalui oleh para pengamal media yang bertugas di Malaysia tidak terlalu merumitkan berbanding yang bertugas di Jepun. Responden B berkongsi pengalaman semasa bertugas sebagai pengulas di Malaysia semasa temasya tersebut berlangsung. Walaupun sebelum ini beliau akan turut serta krew ke temasya sukan Olimpik, tetapi kalini berbeza, disebabkan pandemik yang melanda dunia, beliau hanya bertugas di tanah air sahaja kerana had pengamal media yang telah ditetapkan. Responden B mengatakan,

“ Olimpik 2020 adalah idaman untuk semua orang menjakkan kaki di sana sebab kita tahu akan kehebatan Jepun untuk mengendalikan satu kejohanan yang besar... Penganjuran mereka cukup baik tapi sayangnya untuk Olimpik 2020 tu kita tak dapat pergi, hanya segelintir sahaja wartawan dan krew yang pergi buat liputan tetapi kami sebagai pengulas yang akan mengulas dari Kuala Lumpur, studio di KL. Kita dapat banyak informasi, bantuan dari rakan-rakan di lokasi untuk feed in the information, malah bantuan daripada internet sekarang ni ianya memang banyak membantu. Bayangkanlah kalau zaman dahulu yang tiada internet. Information ini perlu dicari secara fizikal. Keadaan semakin mudah, cuma sekarang terpulang

kepada pengulas bagaimana dia nak mengolah, bagaimana nak menyampaikan segala information yang ada depan mata supaya lebih tersusun, faham dan mudah mendengarnya...”

Responden B berpendapat walaupun bekerja secara jarak jauh dengan krew yang bertugas di Jepun, perkara tersebut tidak mendatangkan masalah kepada mereka dengan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak. Mereka yang bertugas di Astro juga turut mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dan Astro pada ketika itu dan banyak berhubung dengan krew di Jepun untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting seperti yang diperkatakan dalam perbincangan tersebut:

“ ...seperti biasa kita perlu laksanakan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Astro sebelum bertugas seperti melakukan COVID test, PCR semua lah dan baru boleh bertugas. Haa.. dari segi gerak kerja, kita banyak berhubung dengan mereka yang berada di sana. Selain daripada itu juga, dengan liputan-liputan yang meluas bukan sahaja di dalam sistem tetapi juga di website. Kat situ, aaaa.. kita berpeluang untuk meneliti, membaca dan juga menganalisis apa yang berlaku, aaaa.. apa yang telah berlaku dan agak apa yang akan berlaku pada atlet Malaysia di kejohanan temasya Olimpik. Haa.. di situ amat penting untuk kita sebagai pengulas, wartawan ni supaya lebih membaca dan juga membuat penyelidikan supaya segala liputan, laporan yang disampaikan itu bukan nak kata 100% betul, tapi sekurang-kurangnya menepati apa yang kita nak sampaikan dan apa yang dimahuhan para penonton...”

Penekanan SOP amat dititikberatkan oleh pihak Astro untuk bertugas di studio Astro sewaktu pandemik COVID-19 melanda negara. Dengan melaksanakan segala SOP yang telah ditetapkan, tiada pengamal media Astro Arena yang dijangkiti COVID-19 sepanjang bertugas bagi temasya sukan Olimpik tersebut seperti yang diperkatakan oleh Responden B:

“ Dari group yang pergi ke Tokyo saya tak pasti, tetapi kami di tanah air ini tiada siapa yang kena. Sebab kami telah melalui proses yang agak ketat untuk masuk ke dalam studio yang disediakan oleh pihak Astro. Haa.. andai kata ada masalah sedikit saja pun, tentang kecergasan, kesihatan, mereka tidak dibenarkan untuk datang ke studio untuk bertugas, perkara ini sentiasa di update untuk semua orang tahu, bahawa ada yang sihat atau tidak...”

Secara keseluruhan dapat diperkatakan semua pengamal media Astro Arena yang bertugas di Malaysia mahupun di Jepun amat menitikberatkan SOP yang telah ditetapkan dan pihak penganjur Jepun juga berjaya memastikan temasya tersebut dapat dilangsungkan dengan SOP yang terkawal.

**MENGENALPASTI CABARAN YANG DIHADAPI  
OLEH PENGAMAL MEDIA ASTRO ARENA  
DALAM MENYAMPAIKAN LIPUTAN BERITA  
SEMASA TEMASYA SUKAN OLIMPIK TOKYO  
2020**

Para responden memberitahu terdapat beberapa cabaran yang mereka hadapi sepanjang bertugas semasa temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 berlangsung. Responden A selaku wartawan yang bertugas di bumi Tokyo mendapati bahawa bukan mudah untuk membuat liputan apabila temasya sukan tersebut dilangsungkan dalam situasi pandemik. Pengamal media di sana perlu segera membiasakan diri mereka dengan situasi dan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Responden A menyuarakan berkaitan perkara ini dengan mengatakan:

“ ... saya boleh jadikan cabaran untuk menemubual atlet tu hanya menjadi kesukaran, perbezaan kepada pengamal media berbanding sebelum ini. Haa.. sebab sebelum ini lebih mudah, tapi semasa sukan Olimpik Tokyo tu, situasi memerlukan masa yang banyak, sebagai contoh, untuk seseorang atlet itu sampai untuk ditemubual, ia memerlukan masa yang banyak. Jadi kita sebagai pengamal media perlukan berita dengan cepat tapi kita perlu tunggu atlet itu untuk sampai sebelum kami dapat menghantar bahan berita tu ke Kuala Lumpur. Haa.. dari segi untuk masuk venue pertandingan dan sebagainya aaaa.. saya rasa cabaran yang biasa sahaja sebab bila nak dapatkan interview tu, contoh kalau nak interview atlet tu untuk esok, kita perlu buat request pada hari sebelum. Apabila kita follow the process, ia mudah. Jadi ia berlainan dengan sebelum ini. Cuma kalau tak biasa, saya rasa boleh dikatakan cabaran yang sukar. Tapi untuk kami, didatangkan dengan team yang besar jadi semua process itu berjalan lancar cuma ia berlainan berbanding dengan sebelum ini...”

Perkara ini turut mendapat reaksi daripada Responden C berkaitan bahagian teknikal. Beliau akan berbincang terlebih dahulu bersama wartawan sehari sebelum membuat liputan untuk mendapatkan gambaran berkaitan liputan yang bakal dibuat. Cabaran semasa membuat liputan turut dirasakan oleh Responden C apabila beliau berkata:

“ ... cabaran teknikal side masa dekat sana dari segi cross side lah. Bila nak buat liputan live dengan di Malaysia, aaaa... so dia agak sukar dari segi internet tu dan tempat. Ada setengah tempat bila masuk dalam perkampungan tu kalau kita tak guna dia punya wifi ke apa akan ada gangguan di situ. Lepastu untuk buat interview di venue pertandingan pun ada prosedur tersendiri yang kita kena ikut dan agak memakan masa dan sukar lah...”

Responden A dan C juga turut berpendapat antara cabaran lain yang dilalui oleh mereka di sana adalah dari segi komunikasi dimana penggunaan

bahasa yang sukar untuk difahami. Seperti yang diketahui Jepun adalah merupakan sebuah negara yang mengamalkan penggunaan bahasa tempatan mereka dan kurang berbahasa inggris. Jadi perkara tersebut perlu dilalui oleh pengamal media di sana untuk berkomunikasi dengan pihak penganjur dan penduduk tempatan. Perkara ini dikongsikan oleh Responden A dimana beliau mengatakan,

“ ... ada satu cabaran yang saya boleh highlight dekat sini iaitu cabaran komunikasi. Haa.. yang mana seperti kita tahu Jepun, dia tidak berbahasa inggris jadi apabila kita menggunakan teks atau nak berhubung dengan orang di sana, jadi kita perlu guna google translate. Saya rasa benda tu memang akan dilalui apabila kita berada di negara-negara yang tidak menjadikan bahasa inggeris sebagai bahasa rasmi atau bahasa utama mereka. Jadi, untuk team Astro dari segi komunikasi kita mengatasinya melalui google translate...”

Selain masalah komunikasi, Responden C juga turut berkongsikan masalah lain seperti masalah untuk ke tempat pertandingan yang agak jauh. Para pengamal media perlu bergerak lebih awal untuk pergi ke tempat pertandingan dan mereka perlu memandu kereta sendiri semasa di Tokyo atau menaiki pengangkutan awam yang telah disediakan. Responden C menyuarakan perkara tersebut dengan mengatakan:

“ ... macam saya sendiri pun bila pergi sana memang kita masa pandemik time tu kita kena drive sendiri. Haa.. ada masa, 40 km/j, nak kena sampai dalam masanya. Ada masa 30 km/j ada masa 90 km/j. So jalan dia ada masa, jalan dah betul tetiba sesat pi tempat lain pula. Tu dia punya aaaa.. cabaran dekat sana lah. Makna kata, kita kena sentiasa behave lah kat tempat orang walaupun kita dah biasa bawak kereta. Tapi tak semestinya sama dengan kat Malaysia...”

Bagi Responden B yang bertugas di studio Astro Arena pula, beliau turut berkongsikan beberapa cabaran yang dihadapinya semasa menjalankan tugas sebagai pengulas temasya tersebut. Sudah pasti bukan mudah untuk bertugas secara jarak jauh dengan pengamal media lain yang bertugas di Tokyo. Perkara ini disuarakan oleh responden B dengan mengatakan:

“Antara cabarannya adalah untuk mendapatkan keputusan yang tepat dan cepat. Daripada segi ketepatan, saya boleh katakan 9.8% memang tepat sebab dia memang betul-betul synchronize dengan result yang berlaku di padang. Haa... dari segi kecepatan tu mungkin terlambat sikit bila nak dapatkan keputusan. Kadang kala saya terpaksa hold dulu untuk bagitahu penonton sebab aaaa.. kita tak berada di tempat pertandingan kan, so tak tahu apa yang berlaku. Contoh macam keputusan lumba basikal yang melibatkan jaguh basikal negara masa tu...”

Para Responden juga turut berkongsi bagaimana mereka menangani segala cabaran yang dihadapi semasa bertugas di temasya sukan Olimpik Tokyo 2020. Bagi Responden A, beliau merasakan perancangan dan perbincangan dengan semua pihak semasa di Tokyo amat penting dimana beliau berkata:

“... plan, communication dan satu lagi elemen yang penting adalah connection yang kita perlu kenal dengan setiap orang di sana setiap orang yang mempunyai provision dekat sana supaya kita dapat tahu bagaimana kita dapat selesaikan masalah sebab setiap wartawan perlu pergi venue yang berbeza setiap hari jadi kita perlu berjumpa dengan venue manager yang berbeza setiap hari. Jadi aaaa... apabila kita datang dengan plan, kita mempunyai hubungan, kenal orang tu, ia memudahkan dan itu dilakukan oleh Astro Arena...”

Manakala bagi Responden B pula menganggap komunikasi yang baik dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Beliau berpandangan bahawa:

“Haa.. bagi saya kunci dia satu je iaitu berkomunikasi dengan baik dengan semua rakan setugas. Apabila kita ada komunikasi yang baik pasti segala masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan bantuan mereka. Lagi kita kena banyak bertanya juga contohnya bertanya kepada producer kalau ada apa-apa masalah atau perkara yang tak tahu...”

Secara tuntasnya, dalam mengatasi cabaran membuat laporan dalam bidang kewartawanan sukan, adalah penting untuk pengamal media melakukan persediaan yang rapi, mempunyai skil komunikasi yang bagus dan terbuka untuk perbincangan.

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati persaingan dalam bidang kewartawanan sukan di Malaysia ini masih kurang. Hal ini boleh dilihat apabila hanya beberapa stesen media sahaja yang mempunyai saluran atau berita sukan. Jika dilihat dari segi stesen media sukan, Ahmad Faisal (2019) menyatakan hanya Astro Arena sahaja yang merupakan saluran sukan khusus untuk berita dan rancangan sukan dalam dan luar negara yang dikendalikan dalam Bahasa Melayu. Perkara ini akan memberikan kelebihan kepada Astro Arena tetapi memberi kekurangan kepada negara dari segi persaingan liputan berita sukan yang dilihat dimonopoli oleh Astro Arena.

Dari segi cabaran yang dihadapi pengamal media Astro Arena ketika bertugas di temasya sukan tersebut, cabaran yang dilihat perlu diberikan penekanan selepas ini oleh pengamal media adalah

cabaran dari segi sukar untuk berkomunikasi apabila berada di negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris. Perkara ini turut mendapat perhatian Jamiludin Nur & Aurelius R.L Teluma (2022) yang mendapati bahawa cabaran yang dihadapi oleh wartawan ialah kekurangan kemahiran bahasa untuk liputan aktiviti antarabangsa. Hal ini dapat dilihat apabila mereka bukan sahaja perlu berkomunikasi dengan pihak pengangur dan masyarakat tempatan malah ia juga terjadi ketika menemu bual para atlet daripada negara lain. Cabaran dari segi membuat liputan juga turut dirasai oleh pengamal Astro Arena ketika bertugas di temasya sukan tersebut. Cabaran ini bukan hanya dihadapi oleh mereka sahaja, malah Lopez (2020) turut mengatakan perkara yang sama dimana wartawan di Eropah juga menghadapi cabaran apabila membuat liputan berita semasa pandemik dan mereka dikehendaki menyesuaikan diri dan memaksa mereka bekerja secara hibrid. Oleh yang demikian, wartawan sukan perlu cepat membiasakan diri dalam apa jua situasi dan keadaan yang mereka hadapi untuk memastikan liputan dapat disampaikan dengan berkualiti dan cepat.

Penggunaan Teori Tanggungjawab Sosial di dalam kajian ini memperlihatkan kepentingan tanggungjawab pengamal media sukan dalam mempromosikan acara-acara sukan antarabangsa dan menjaga kepentingan awam (Siebert, Peterson & Schramm 1956). Dalam konteks pandemik Covid-19 yang cukup mencabar, pengamal media sukan di Malaysia ini terus memikul tugas penjagaan kualiti penyampaian berita sukan (McQuail 2010). Pada masa yang sama, mereka juga tertakluk kepada sekatan dan tapisan kendiri sebagai pengamal media bertanggungjawab (Azhar, Awan & Chamil 2022).

## KESIMPULAN

Hasil kajian dapat menyimpulkan bahawa pemerhatian secara keseluruhan terhadap bidang kewartawanan sukan di negara ini masih kurang. Hal demikian kerana masih terdapat banyak jurang dari segi persiangan yang sihat dalam bidang ini apabila wartawan sukan dilihat masih kurang di Malaysia. Hanya Astro Arena sahaja salurun sukan yang ada di negara ini melihatkan bahawa saluran media tersebut masih tiada persiangan sehingga kini. Jadi penekanan dan perhatian terhadap bidang ini perlu ditingkatkan agar bidang kewartawanan sukan ini terus menjadi kunci kemakmuran masyarakat di Malaysia (Ahmad Faisal, 2019). Industri media perlu memainkan peranan yang amat penting

sebagai alat penghubung masyarakat dan perlu menggunakan kelebihan ini untuk terus menjadi punca penyatuhan masyarakat di negara ini. Peranan ini boleh terus dimainkan apabila Menteri Belia dan Sukan Negara, YB Hannah Yeoh telah melancarkan “Road To Gold” yang memberikan tumpuan kepada atlet Malaysia untuk mencapai hasrat negara memperolehi pingat emas pertama di temasya sukan Olimpik Paris 2024 nanti. Bagaimana pengamal media sukan dapat mencetuskan semangat dari usaha ini dalam memastikan semua pihak bersatu dalam misi memburu pingat emas pertama di Paris 2024.

Apabila melihat secara keseluruhan dapatkan kajian mengenai SOP serta keselamatan yang dilalui oleh pengamal media Astro Arena semasa bertugas di temasya sukan tersebut, ia adalah merupakan sesuatu perkara yang berharga dan berguna kepada semua pihak untuk mencontohi pihak penganjur temasya sukan tersebut dari segi aspek persiapan dan keselamatan. Jepun adalah negara yang maju dan walaupun menghadapi situasi pandemik ketika itu, negara tersebut tetap dengan pendirian mereka untuk meneruskan temasya sukan tersebut walaupun mengetahui banyak risiko yang bakal mereka hadapi. Tetapi Jepun telah berjaya membuktikan bahawa tidak mustahil untuk menganjurkan sesuatu temasya sukan walaupun dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19. Perkara ini boleh dicontoh oleh negara-negara lain jika selepas ini keadaan yang sama berulang kembali. Secara tidak langsung, temasya sukan tersebut telah memberi pengalaman yang berharga buat petugas media ketika berada disana dan pengalaman tersebut akan menjadi kelebihan kepada mereka jika menghadapi situasi yang sama pada masa akan datang. Melihat dari segi aspek keselamatan atau kebijakan yang diberikan kepada pengamal media, pihak penganjur dilihat komited terhadap keselamatan para pengamal media ketika bertugas di sana. Mereka menyediakan kelengkapan dari segi penginapan dan juga membantu dalam mendapatkan bahan berita kepada pengamal media. Penganjuran temasya sukan ini akan menjadi penanda aras yang baik kepada semua pihak khususnya pengamal media sukan dan akan melihat tindakkan penganjuran seterusnya yang bakal dilangsungkan dalam keadaan endemik pula di Paris, 2024.

Dari segi cabaran yang dihadapi pengamal media Astro Arena ketika bertugas di temasya

sukan tersebut, cabaran yang dilihat perlu diberikan penekanan selepas ini oleh pengamal media adalah cabaran dari segi sukar untuk berkomunikasi apabila berada di negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris. Perkara ini turut mendapat perhatian Jamiludin Nur & Aurelius R.L Teluma (2022) yang mendapati bahawa cabaran yang dihadapi oleh wartawan ialah kekurangan kemahiran bahasa untuk liputan aktiviti antarabangsa. Hal ini dapat dilihat apabila mereka bukan sahaja perlu berkomunikasi dengan pihak penganjur dan masyarakat tempatan malah ia juga terjadi ketika menemu bual para atlet daripada negara lain. Cabaran dari segi membuat liputan juga turut dirasai oleh pengamal Astro Arena ketika bertugas di temasya sukan tersebut. Cabaran ini bukan hanya dihadapi oleh mereka sahaja, malah Lopez (2020) turut mengatakan perkara yang sama dimana wartawan di Eropah juga menghadapi cabaran apabila membuat liputan berita semasa pandemik dan mereka dikehendaki menyesuaikan diri dan memaksa mereka bekerja secara hibrid. Oleh yang demikian, wartawan sukan perlu cepat membiasakan diri dalam apa jua situasi dan keadaan yang mereka hadapi untuk memastikan liputan dapat disampaikan dengan berkualiti dan cepat.

Kajian ini menunjukkan bahawa bidang kewartawanan sukan di Malaysia memerlukan lebih banyak perhatian dan sokongan dari pihak berkepentingan, termasuk kerajaan dan industri media. Ini termasuk penyediaan sumber daya yang mencukupi, pembangunan kemahiran dan kepakaran dalam bidang kewartawanan sukan, serta peningkatan keselamatan dan kesejahteraan pengamal media semasa meliput acara sukan besar. Kajian ini mendapati bahawa bidang kewartawanan sukan diberikan perhatian yang baik oleh pihak berwajib kerana bidang ini amat penting dalam memastikan segala liputan sukan dapat disampaikan secara terus kepada masyarakat dan secara tidak langsung ia dapat menyatupadukan masyarakat Malaysia. Kajian ini turut memberikan sumbangan penting kepada industri media dan masyarakat Malaysia, dan memberikan perspektif yang berguna bagi pihak yang berkepentingan dalam meningkatkan kualiti kewartawanan sukan di Malaysia pada masa akan datang. Kajian pada masa depan juga patut memberikan lebih tumpuan kepada kewartawanan sukan di Malaysia daripada aspek laporan sukan tempatan dan membuat kajian perbandingan dengan saluran lain di Malaysia.

## RUJUKAN

- Ahmad Akram, M., & Irwan, M. 2022. Analisis Aurat Atlet Muslim Di Temasya Olimpik 2020: Kajian Menurut Perspektif Fiqh Islami. <https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/430/373>
- Ahmad Faisal, M. 2019. Peristilahan Dalam dunia sukan. [https://www.researchgate.net/publication/337563093\\_Peristilahan\\_Dalam\\_Dunia\\_Sukan](https://www.researchgate.net/publication/337563093_Peristilahan_Dalam_Dunia_Sukan)
- Ahmad Sauffiyan H. 2020. Tinjauan awal bidang komunikasi sukan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 36(3): 139-156. doi:10.17576/jkmjc-2020-3603-09
- Andrea, G. N., & Michael, N. L. 2020. 20 years of Olympic media research: Trends and future directions. *Frontiers in Sports and Active Living* 2. doi:10.3389/fspor.2020.572495
- Azhar, A., Awan, B., & Chamil, Z. 2022. Understanding the impact of cyberbullying on adolescent well-being. *Journal of Cyberpsychology* 8(3): 123-145.
- Gregory, P., & Travis, B. R. 2020. Towards a “digital” sports journalism: Field theory, changing boundaries and Evolving Technologies. *Communication & Sport* 10(3): 398-416. doi:10.1177/2167479520979958
- Ipsos Malaysia. (2021). Olympic Spirit in Pandemic Times. <https://www.ipsos.com/en-my/press-release-olympic-spirit-pandemic-times>
- Jamiludin, N., & Aurelius, T. R. 2022. The challenge of covering the World Superbike: The experience of journalists in Lombok, Indonesia, in covering the Mandalika World Superbike Motor racing. *Proceedings Of International Conference On Communication Science* 1(1): 12-17. doi:10.29303/iccsproceeding.v1i1.4
- Jose, B., Laura, R., Ana, C., & Javier, L. 2020. How corporate social responsibility activities influence employer reputation: The role of Social Media Capability. *Decision Support Systems* 129: 113223. doi:10.1016/j.dss.2019.113223
- McQuail, D. 2010. *McQuail's Mass Communication Theory*. 6<sup>th</sup> edition. SAGE Publications Ltd.
- Muhamad Syahir, Z., Mohamad Saifudin, M. S. 2019. Analisis Pelaporan atlet wanita islam semasa sukan sea 2015 dan 2017 dalam utusan online Dan Berita Harian online. *Jurnal Pengajaran Media Malaysia* 21(1): 49-60. doi:10.22452/jpmm.vol21no1.4
- Norazirawati, A., & Sudirman, M. 2021. Media Sosial dan evolusi kewartawanan: Pembuatan berita dari perspektif editor media sosial. <http://conference.kuis.edu.my/icomm/8th/images/021-002.pdf>
- Pekan Ramli, Muhammad, Tajul Ariffin & Salamuddin, Norlena. 2019. Liputan Kandungan Dan penerbitan berita sukan dalam akhbar harian di Malaysia (coverage and publication of Sports News in Malaysian daily newspaper). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44(01SI). doi:10.17576/jpen-2019-44.01si-08
- Pekan Ramli, Muhammad, Tajul Ariffin & Salamuddin, Norlena. 2019. Kuasa editor sukan terhadap penetapan liputan berita sukan akhbar di Malaysia. *Jurnal Dunia Perniagaan* [S.L.] 1(1): 1-15.
- Sean, S. R., Nicholas, B. R., Patrick, G., & Andrew, B. C. 2021. Sports journalism content when no sports occur: Framing athletics amidst the COVID-19 international pandemic. *Communication & Sport* 10(3): 493-516. doi:10.1177/21674795211001937
- Siebert, F. S., Peterson, T., & Schramm, W. 1956. *Four Theories of the Press: The Authoritarian, Libertarian, Social Responsibility, and Soviet Communist Concepts of What the Press Should Be and Do*. University of Illinois Press.
- Vivekananda A/ L M., Shahril N. S., Rohaidah K. & Hasnah M. 2021. Pengaruh penggunaan bahasa dalam laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain bola sepak. *Al-Qiyam International Social Science and Humanities Journal* 4(1): 23-37. <https://www.al-qiyam.net/index.php/isskj/article/view/96>
- Yin, R. K. 2009. *Case Study Research: Design and Methods*. Edisi Ke-4. Thousand Oaks: Sage Publications Ltd.
- Muhammad Nazeem Bin Mohd Nazri  
Pusat Kajian Media dan Komunikasi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kho Suet Nie (penulis koresponden)  
Pusat Kajian Media dan Komunikasi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.